



MAJLIS GABUNGAN BELIA MELAKA
(MELAKA STATE YOUTH COUNCIL)

PENASIHAT :
Ketua Menteri Melaka
EX - OFFICIO :
Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka

No. M1-2-16, Kompleks Yayasan Belia Sedunia (WAY), Lebuhraya Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka, Malaysia
Tel: (+606) 234 3634 Fax: (+606) 234 6258 Email: mgbmelaka@gmail.com Website: <http://mgbmelaka.com>

KOMITED KE ARAH KEJAYAAN

Ruj. Kami: MGBM/NM (78) dlm. 03/03/23

17 Julai 2023

Yang Berusaha Tuan Kumaresan A/L V.D Balasubraniam

Pegawai Pengurusan Operasi Kolej Pengurusan dan Sains Melaka
No. 1, Jalan Kubu, 75300 Melaka

Yang Berusaha Tuan,

PERMOHONAN KERJASAMA BAGI MENJAYAKAN SAMBUTAN HARI BELIA NEGARA TAHUN 2023 PERINGKAT NEGERI MELAKA (INI MASA KITA)

Adalah saya dengan hormatnya perkara diatas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Gabungan Belia Melaka bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka dan Kerajaan Negeri Melaka akan menganjurkan **Sambutan Hari Belia Negara (SHBN) 2023 peringkat Negeri Melaka** pada **20 Ogos 2023, Ahad** bertempat di **Kompleks Sukan Masjid Tanah, Melaka**. Pelbagai aktiviti akan dilaksanakan dengan sasaran kehadiran seramai 10,000 orang bermula jam 07.00pagi sehingga 05.00petang. SHBN 2023 Negeri Melaka akan dirasmikan oleh **Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Ketua Menteri Melaka**.

3. Hari Belia Negara merupakan salah satu menifestasi kerajaan dalam mengiktiraf peranan belia sebagai tunjang pembangunan dan pemimpin masa depan Negara. Penglibatan belia sekian lama sebagai rakan pembangunan negara sangat signifikan dalam kegiatan berpersatuan mahupun dalam Badan bukan kerajaan (NGO) dalam memastikan idealisme, intelektualisme, aktivisme dan spiritualisme dapat dimanfaatkan dengan baik demi masyarakat dan negara.

4. Sehubungan dengan itu, MGBM ingin memohon kerjasama dan bantuan daripada Yang Berusaha Tuan untuk membawa pelajar hadir ke **Majlis Perasmian Sambutan Hari Belia Negara 2023 peringkat Negeri Melaka pada jam 03.00 petang**. Setiap penyertaan pelajar akan disediakan jamuan ringan dan sijil penyertaan dan adalah dipohon agar pengangkutan pergi dan balik disediakan oleh pihak Yang Berusaha Tuan. Ringkasan pelaksanaan program dan aturcara majlis perasmian disertakan pada halaman lampiran untuk rujukan dan tindakan daripada pihak Yang Berusaha Tuan selanjutnya.

5. Sebarang maklumbalas boleh dipanjangkan kepada pihak sekretariat program ditalian **06-2343634/012-902 6712, Cik Adillah**. Atas kerjasama dan keprihatinan Yang Berusaha Tuan akan hasrat ini, MGBM amat menghargainya dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"KOMITED KE ARAH KEJAYAAN"

Saya yang menjalankan tugas,


Mohd Razali Bin Baharon
Setiausaha Agung

s.k.;

YBhg. Datuk Mohd Ridhwan bin Tun Haji Mohd Ali
Presiden MGBM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerja SHBN 2023 Negeri Melaka